	▶ 熨斗或注水容器可能有污染物，請清理乾淨熨斗水箱並注入乾淨清水。

規 格

型 號	NI-WT980	NI-WT970	NI-WT960
額 定 電 源	220-240 V～ 50-60 Hz		
功 率	2 400-2 800 W	2 400-2 800 W	2 200-2 600 W
重 量 (約)	1.8 kg (公斤)		
尺 寸 (約)	長 307 mm(毫米) x 闊 141 mm(毫米) x 高 153 mm(毫米)		

本熨斗僅限於家庭使用。

Arahan Penggunaan
Seterika Wap
Penggunaan Rumah Sahaja
NI-WT980
No. Model NI-WT970
NI-WT960

Kandungan

Langkah peringatan	34
Pengenalpastian bahagian-bahagian	38
Cara mengisi air didalam bekas air	38
Menggunakan seterika stim	39
Cara menggunakan fungsi "semburan"	42
Cara menggunakannya sebagai seterika kering	42
Bagaimana untuk menjaga dan menyimpan seterika anda	43
Soal Jawab	46
Penyelesaian Masalah.....	47
Spesifikasi	47

Terima kasih kerana membeli produk Panasonic ini.

Sebelum menggunakan unit ini, sila baca arahan-arahan dengan teliti dan simpan buku panduan ini untuk rujukan masa depan.

Langkah peringatan

Untuk mengurangkan risiko kecederaan, kehilangan nyawa, kejutan elektrik, kebakaran dan kerosakan kepada harta benda, sila perhatikan langkah-langkah peringatan seperti berikut.

Penjelasan simbol-simbol

Simbol-simbol berikut digunakan untuk mengklasifikasi dan menjelaskan tahap bahaya, kecederaan, dan kerosakan harta benda yang akan berlaku apabila denotasi diabaikan dan cara penggunaan yang tidak wajar dibuat.



AMARAN

Menandakan bahaya yang mungkin mengakibatkan kecederaan serius atau kematian.



BERHATI-HATI

Menandakan bahaya yang akan mengakibatkan kecederaan ringan atau kerosakan harta benda.

Simbol berikut digunakan untuk mengklasifikasi dan menjelaskan jenis-jenis arahan yang perlu diperhatikan.



Simbol ini digunakan kepada pengguna tentang prosedur penggunaan spesifik yang tidak patut dilakukan.



Simbol ini digunakan kepada pengguna tentang prosedur penggunaan spesifik yang mesti diikuti untuk mengoperasikan unit dengan selamat.



AMARAN

Untuk mengurangkan risiko kecederaan, kejutan elektrik atau kebakaran, sila perhatikan perkara berikut:



Jangan guna seterika jika palam kuasa atau kord kuasa rosak atau berasa panas. Jangan gunakan seterika jika palam kuasa tidak rapat dan longgar di dalam saluran elektrik.



Jangan tinggalkan seterika tanpa pengawasan ketika ia masih bersambung dengan saluran elektrik.



Jangan menyambung atau mencabut palam kuasa di saluran elektrik dengan tangan yang basah.



Jangan merosakkan, mengubahsuai, atau membengkok secara paksa, menarik, atau memulas kord kuasa. Jangan letakkan objek berat atau memicit kord kuasa.



Jangan melilit kord kuasa disekeliling seterika semasa menyimpan.



Jangan guna seterika dengan kord kuasa yang berkeadaan kusut.



Jangan gunakan seterika dengan tangan yang basah.



Jangan guna bahan mudah terbakar (seperti Benzina atau seumpamanya).

AMARAN



Jangan mengubahsuai, menanggal, atau membaiki seterika.

- Dengan berbuat demikian akan menyebabkan nyalaan atau kecederaan akibat operasi yang tidak normal. Hubungi pusat servis bertauliah untuk pembaikan.



Jangan rendam seterika di dalam air atau sebarang cecair lain.

- Dengan berbuat demikian akan menyebabkan melecur, kejutan elektrik atau kebakaran akibat litar pintas.

Untuk mengurangkan risiko kecederaan, kejutan elektrik atau kebakaran, sila perhatikan perkara berikut:



Sentiasa pastikan perkakas beroperasi dengan sumber kuasa elektrik yang bersesuaian dengan kadar voltan seperti yang telah dinyatakan pada seterika ini. Masukkan palam kuasa dengan sepenuhnya.



Palam kuasa mestilah dicabut daripada sumber elektrik sebelum bekas air diisi dengan air.



Bersihkan palam kuasa untuk menghalang habuk daripada debu daripada terkumpul.

- Tanggalkan palam kuasa dan lap dengan kain yang kering.



Hentikan penggunaan serta-merta dan cabut palam kuasa jika ada kerosakan atau dalam keadaan tidak normal.

Contoh keadaan tidak normal:

- Seterika berhenti sekali-sekali, atau kord kuasa dan palam kuasa berasa panas, atau berubah warna.

Seterika berubah bentuk atau berbau terbakar.

- Untuk pembaikan, rujuk kepada wakil servis bertauliah.



Perkakasan ini bukan untuk kegunaan sesiapa (termasuk kanak-kanak) yang kekurangan kemampuan fizikal, deria atau mental, atau kurang pengalaman dan pengetahuan, kecuali mereka yang telah diberikan pengawasan atau arahan mengenai penggunaan perkakasan oleh orang yang bertanggungjawab ke atas keselamatan mereka. Kanak-kanak harus diawasi untuk memastikan mereka tidak bermain dengan seterika.

- Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan kemalangan atau kecederaan.



Seterika mesti digunakan atas permukaan yang rata dan stabil. Apabila seterika diletakkan di pendiriannya, pastikan permukaan pendirian diletakkan stabil.

- Jika diletakkan di atas permaidani berbulu atau lokasi yang tidak stabil, seterika akan jatuh dan menyebabkan kerosakan pada permaidani, kecederaan atau melecur.

AMARAN

-  **Jika kord kuasa rosak, ianya mestilah diganti oleh wakil bertauliah.**
- Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan kemalangan atau kecederaan.
-  **Seterika ini tidak boleh digunakan jika ia terjatuh, jika terdapat kesan kerosakan yang ketara atau berlaku kebocoran.**
- Untuk pembaikan, rujuk kepada wakil servis bertauliah.

BERHATI-HATI

Untuk mengurangkan risiko kecederaan, kejutan elektrik atau kebakaran, sila perhatikan perkara berikut:

-  **Jangan sentuh permukaan panas (seperti plat tapak, dan di sekeliling permukaan panas).**
-  **Jangan sentuh stim air atau "shot kuasa".**
 - Jangan letakkan tangan, kaki dsb dibawah papan seterika yang boleh ditembusi oleh stim jika ada.
 - Jangan letakkan seterika pada tangan, lutut, atau bahagian tubuh badan yang lain.
 - Jangan menggunakan stim atau "shot kuasa" apabila sebahagian seterika berada diluar daripada papan seterika.
 - Jangan menyeterika pakaian yang sedang dipakai.
-  **Jangan masukkan pin atau jarum ke dalam seterika atau guna diatas pakaian bersama jarum jahitan atau seumpamanya.**
-  **Jangan letakkan plat tapak terlalu rapat dengan anda dan orang lain kerana stim akan terkeluar secara tiba-tiba.**
-  **Jangan gunakan seterika selain daripada fabrik.**
-  **Jangan kedai seterika sehingga ia sejuk sepenuhnya.**
-  **Jangan simpan kord kuasa dalam keadaan bergulung dengan sudut yang tajam.**
- Ini akan menyebabkan kerosakan pada kord.
-  **Hanya gunakan air paip ke dalam seterika. Jangan masukkan wangian, cuka, kanji, agen penanggal kerak, bahan-bahan menyeterika atau bahan kimia lain di dalam bekas air.**
- Perbuatan sedemikian akan menyebabkan perubahan warna pada pakaian.
-  **Jangan tekan butang shot kuasa berulang kali dalam masa yang cepat.**
- Jika butang ditekan berulang kali dalam masa kurang daripada 5 saat, akan menyebabkan melecur akibat kebocoran air panas.



BERHATI-HATI



Jika kekuatan shot rendah, jangan tekan butang shot kuasa.

- Perbuatan sedemikian akan menyebabkan melecur akibat kebocoran air panas.



Jangan condongkan atau mengalihkan seterika secara kasar.

- Perbuatan sedemikian akan menyebabkan melecur akibat kebocoran air panas.



Jangan pegang seterika dalam arah terbalik semasa mengendalikannya.

- Berbuat demikian boleh menyebabkan lecur disebabkan oleh pengeluaran stim atau air panas akibat kesilapan tertekan butang Power Shot.



Dilarang mengguna aksesori seterika yang bukan asli daripada jenama Panasonic.

- Berbuat demikian boleh menyebabkan lecur atau kerosakan kepada kain disebabkan pengendalian yang salah.



Jangan letakkan seterika panas di atas kain untuk tempoh masa yang panjang atau membalut kain di atas seterika panas.

- Berbuat demikian boleh merosakkan kain.



Jangan gunakan seterika berhampiran dinding atau perabot yang tidak boleh tahan dengan suhu tinggi atau kelembapan.

- Berbuat demikian boleh merosakkan dinding atau perabot.

Untuk mengurangkan risiko kecederaan, kejutan elektrik atau kebakaran, sila perhatikan perkara berikut:



Gunakan seterika kering atas pakaian yang lembap (sembur air di atas pakaian).



Tanggalkan palam kuasa dengan memegang palam. Jangan menarik kord kuasa.

- Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan wayar di dalam kord pecah, dan akan mengakibatkan melecur, kejutan elektrik atau kebakaran akibat litar pintas.



Perhatian harus diberi semasa menggunakan seterika.

- Pembebasan stim mungkin akan menyebabkan kecederaan.



Uji pada kawasan yang tidak ketara semasa menggunakan fabrik berikut. Atau, letakkan kain diatas fabrik untuk mengelakkan kesan bersinar pada fabrik.

- Fabrik yang mahal atau terproses khusus (baldu, akrilik, nilon, kashmir, dsb.)
- Fabrik yang kurang tahan "rendah panas" atau "sederhana panas" seperti dalam label, atau fabrik yang berwarna gelap.



Keluarkan air daripada bekas air selepas menggunakan seterika.

- Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan air akan bocor keluar daripada plat tapak apabila digunakan seterusnya.



Pastikan palam kuasa ditanggalkan semasa tidak digunakan.

- Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan kebakaran, kejutan elektrik.



Jangan menggunakan seterika tanpa papan seterika.

- Berbuat demikian boleh merosakkan perabot atau menyebabkan kecederaan.




Sewaktu penggunaan, jika seterika perlu diletakkan di tepi buat sementara waktu, misalnya bila menyusun pakaian, tetapkan Pemilih Stim/Kering ke kedudukan "Kering", atau tegakkan seterika dalam keadaan rehat.

- Kegagalan melakukan salah satu seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan kebocoran air panas dan mungkin mengakibatkan kerosakan pada pakaian.



Pengenalpastian bahagian-bahagian



- A** Lampu Indikator Operasi
- B** Termostat
- C** Pemegang
- D** Picu Semburan
- E** Butang Shot Kuasa
- F** Pemutar Stim/Kering
- G** Penutup Alur Masuk Air
- H** Muncung Semburan
- I** Tapak Gosok


- J** Penunjuk Paras Air
 - K** Butang Pembersihan Automatik
 - L** Suis Kuasa [O / I]
 - M** Bekas Air
 - N** Sangga Dirian
 - O** Kord Kuasa
 - P** Palam Kuasa*
- * Jenis palam yang memenuhi syarat negara berkenaan.

Aksesori
P Cawan


Cara mengisi air didalam bekas air

Sebelum menggunakan seterika, sila periksa label fabrik.


- 1** Alihkan pemilih Stim/Kering kepada kedudukan Kering untuk mengelakkan kebocoran air.



- 2** Buka Penutup Bekas Air. Pegang seterika seperti yang ditunjukkan dan isikan seterika dengan air sehingga aras " MAX " (lebih kurang 350 mL).
 - Gunakan cawan untuk mengisi.



- 3 Periksa aras pengisian air dengan betul dengan seterika diletakkan di dalam posisi menegak di atas sangga dirian.



- 4 Tutup Penutup Alur Masuk Air.

Nota:

- Jangan terlebih mengisi Bekas Air. Stim akan dilepaskan melalui ruang udara apabila seterika di posisi menegak.
- Pastikan Isi Air Cover ditutup semasa digunakan.

Menggunakan seterika stim


Cara menggunakannya sebagai seterika stim

- 1 Isi air paip ke dalam Bekas Air seperti yang dinyatakan dalam "Cara mengisi air didalam bekas air".


- 2 Letakkan seterika pada kedudukan menegak dan pastikan Dial Pengawal Suhu dilaraskan pada "O".




- 3 Masukkan palam kuasa ke dalam soket pembekal elektrik.




- 4 Alihkan Pemutar Stim/Kering pada kedudukan Kering, kemudian laraskan Suis Kuasa kepada "I". Lampu Indikator Operasi Termostat akan menyala.
 - Jika suhu di tapak seterika terlalu panas, lampu tidak akan menyala.



- 5 Panaskan seterika terlebih dahulu sehingga Lampu Indikator Operasi Termostat terpadam, biasanya antara 1 minit. Lampu Indikator Operasi Termostat ini akan terus berselang nyala dan padam semasa mengosok supaya suhu yang dipilih oleh dial pengawal suhu dapat dikekalkan.



- 6** Gunakan seterika secara mendatar dan menetapkan pilihan stim/kering ke kedudukan stim.
- Sebaik sahaja seterika dilaraskan secara menegak, tindakan stim akan berhenti.



BERHATI-HATI:

Jangan halakan stim ke mana-mana bahagian badan anda dan kepada orang lain.

Nota:

- Sistem Autoinjak akan aktif apabila suhu di permukaan tapak gosok turun. Pada masa yang sama, stim akan berhenti. Bunyi klik yang kedengaran bukanlah satu tanda kerosakan. Lampu Indikator Operasi Termostat akan menyala, tunggu sehingga Lampu Indikator Operasi Termostat terpadam.

Rujuk kepada “Selepas setiap penggunaan” dalam “Cara untuk menjaga seterika anda” di H45.

Cara menggunakan fungsi "shot kuasa"

Fungsi "shot kuasa" membekalkan daya stim yang mampu menyerap serat pakaian dan meratakan kedutan yang degil.

Jika anda belum menggunakan fungsi "shot kuasa" untuk masa yang lama, anda perlu membersihkan bahagian dalam seterika sebelum menggunakannya pada pakaian yang hendak diseterika. Anda hanya perlu menguji fungsi "shot kuasa" beberapa kali dan pastikan ia jauh daripada papan seterika dan pakaian yang hendak diseterika. Ini akan mengelakkan tompok perang atau tompokan air daripada terkena pakaian.

1 Isi air paip ke dalam Bekas Air seperti yang dinyatakan dalam "Cara mengisi air didalam bekas air".

2 Letakkan seterika pada posisi Sangga Dirian dan pastikan Dial Pengawal Suhu dilaraskan pada "O".




3 Masukkan palam kuasa ke dalam soket pembekal elektrik.

4 Alihkan Pemutar Stim/Kering pada kedudukan Kering, kemudian laraskan Suis Kuasa kepada "I".

Lampu Indikator Operasi Termostat akan menyala.

- Jika suhu di tapak seterika terlalu panas, lampu tidak akan menyala.




5 Panaskan seterika terlebih dahulu sehingga Lampu Indikator Operasi Termostat terpadam, biasanya antara 1 minit.



6 Semburkan sahaja stim yang diperlukan dengan mengepam butang shot kuasa.


- Pam butang shot kuasa beberapa kali sebelum menggunakannya untuk kali pertama pada setiap kali menggosok pakaian.
- Pastikan anda berselang sekurang-kurangnya 5 saat antara butang shot kuasa dengan yang lain bagi mengelakkan penompokan air pada pakaian.
- Jika 'shot kuasa' menjadi lemah, tunggu sehingga Lampu Indikasi Operasi Termostat menyala dan kemudiannya terpadam.
- Gunakan kain tekan jika perlu.



Rujuk kepada "Selepas setiap penggunaan" dalam "Cara untuk menjaga seterika anda" di H45.

Cara menggunakan fungsi "stim menegak"

Untuk mendapatkan kesan yang lebih baik menggunakan stim menegak, gantung pakaian tersebut pada penyangkut baju. Kain langsir dan tirai yang digantung juga boleh distimkan. Pegang seterika jauh dari diri anda, dekatkan pada fabrik tetapi tidak menyentuhkannya. Tarik fabrik tersebut dengan sekuatnya dengan sebelah tangan lagi dan tekan butang shot kuasa pada selang masa 5 saat semasa anda menghalakan seterika pada fabrik yang berkedut.



- Jika 'shot kuasa' menjadi lemah, tunggu sehingga Lampu Indikasi Operasi Termostat menyala dan kemudiannya terpadam.

Cara menggunakan fungsi "semburan"


Nota:

- Sebelum menggunakan fungsi semburan, periksa label pakaian untuk mendapatkan arahan menyeterika. Sesetengah kain mungkin menjadi bertompok-tompok atau meninggalkan kesan jika terkena air.

Fungsi semburan ini amat berkesan untuk menghilangkan kedutan yang degil dan jika kain perlu dilembapkan.


Penyembur ini boleh digunakan apabila menyeterika dengan menggunakan stim atau secara kering.

- 1 Anda hanya perlu menekan picu semburan apabila ingin menyembur.
 - Jika penyembur tidak berfungsi dengan serta- merta tekan secara berterusan sehingga ia berfungsi.



Cara menggunakannya sebagai seterika kering

- 1 Tekan Pemutar Stim/Kering ke bawah pada kedudukan kering.



- 2 Letakkan seterika pada posisi Sangga Dirian, laraskan suis kuasa pada kedudukan "O".



- 3 Masukkan palam kuasa ke dalam soket pembekal elektrik.

- 4** Tetapkan suis kuasa kepada “I”.
- Lampu Indikator Operasi Termostat akan menyala.
- Jika suhu di tapak seterika terlalu panas, Lampu Indikator Operasi Termostat tidak akan menyala.



- 5** Gunakan seterika selepas memanaskan seterika sehingga penunjuk termostat operasi cahaya dipadamkan, lebih kurang 1 minit.






Rujuk kepada “Selepas setiap penggunaan” dalam “Cara untuk menjaga seterika anda” di H45.

Bagaimana untuk menjaga dan menyimpan seterika anda

Pembersihan 3 cara

► CARA (1) Menggunakan ciri Pembersihan Automatik

1. Isikan Tangki Air dengan air paip seperti yang diterangkan dalam “Cara mengisi Tangki air” di H38.
 2. Tetapkan Suis Kuasa kepada “O”.
 3. Masukkan Palam Kuasa ke dalam soket rumah.
 4. Tegakkan seterika dan tetapkan Suis Kuasa kepada “I”.
 5. Selepas Lampu Indikator Pengendalian Termostat berhenti menyala, tetapkan Suis Kuasa kepada “O” dan cabut palam.
 6. Pegang seterika secara mendatar di atas singki, tekan terus Butang Bersih Sendiri dan goncang seterika ke kiri dan kanan. Bendasing dan kerak (jika ada), bersama-sama dengan stim dan air mendidih akan dikeluarkan. Stim akan dikeluarkan terlebih dahulu dan air mendidih akan keluar selepas kira-kira 30 saat. (Berhati-hati kerana ianya panas)
 7. Apabila air tiada di dalam Tangki Air, pegang seterika secara mendatar di atas singki. Atau, tegakkan seterika di atas permukaan yang stabil dan letakkan tuala lama atau seumpamanya di bawah Plat Tapak.
 8. Masukkan Palam Kuasa ke dalam salur keluar rumah dan tetapkan Suis Kuasa kepada “I”.
- Bendasing bersama-sama dengan stim dan air mendidih akan dikeluarkan.
9. Tetapkan Suis Kuasa kepada “O” dan cabut palam.
- Kemudian, beralih ke KAEDAH(2).




► CARA (2) Menggunakan ciri "shot kuasa"

1. Isikan Tangki Air dengan air paip seperti yang diterangkan dalam "Cara mengisi Tangki air" di H38.
2. Tetapkan Suis Kuasa kepada "O".
3. Masukkan Palam Kuasa ke dalam soket rumah.
4. Tegakkan seterika dan tetapkan Suis Kuasa kepada "I".
5. Pegang seterika secara mendatar di atas singki selepas Lampu Indikator Pengendalian Termostat berhenti menyala.
6. Pam Butang Power Shot dengan cepat (sekurang-kurangnya 2 kali sesaat) kira-kira 30 kali secara berterusan.

Semasa mengepam, goncang seterika ke kiri dan kanane.

7. Tetapkan Suis Kuasa kepada "O".
8. Cabut palam dan buang air yang tinggal di dalam Tangki Air.
9. Bagi mencegah kakisan lohong Plat Tapak, masukkan Palam Kuasa ke dalam salur keluar rumah, tegakkan seterika, tetapkan Suis Kuasa kepada "I" dan panaskan terlebih dahulu selama kira-kira 5 minit.



10. Tetapkan Suis Kuasa kepada "O" dan cabut palam.
11. Seterika di atas kain terpakai untuk menyingkirkan apa-apa bendasing di atas Plat Tapak.

- Ulang KAEDAH(1) dan KAEDAH(2) jika pelohongan stim tidak bertambah baik.
- Gunakan kedua-dua kaedah sekali setiap dua minggu. Jika air terlalu liat (iaitu lubang Wap pada Tapak Gosok akan mudah disekat oleh bendasing), kedua-dua kaedah perlu digunakan lebih kerap.
- Biarkan seterika sejuk di atas Sangga Diriannya dan ikut arahan dalam "Selepas setiap penggunaan" di H45.

► CARA(3) Sistem Anti Kalsium (Liang-Liang Sentiasa Bersih)

Sistem Anti Kalsium yang ada di dalam bekas air akan mengurangkan kerak daripada semakin bertambah dalam ruang pengewapan seterika secara berterusan. Sistem ini membolehkan anda menggunakan fungsi stim untuk tempoh yang lama dan menghalang lubang stim daripada tersumbat.

Sistem Autoinjap (Pengadang Air Automatik)

Model ini mempunyai Sistem Autoinjap. Apabila suhu di permukaan tapak gosok turun ke paras yang rendah, injap kebuk pemeluapan akan tutup secara automatik untuk menghalang air bergerak lebih jauh. Ini akan menghalang air panas yang tidak diwapkan daripada melimpah keluar. Dengan sistem ini, anda tidak perlu menunggu sehingga bahagian dalam kebuk pemeluapan kering sepenuhnya untuk simpanan.

Nota:


- Bunyi klik yang kedengaran bukanlah satu tanda kerosakan. Bunyi klik akan kedengaran apabila sistem ini dihidupkan.

Fungsi tutup automatik 3-cara elektronik (NI-WT980 sahaja)


Fungsi Tutup Automatik bukan berfungsi untuk menggantikan cara mencabut palam. Sistem Tutup Automatik berfungsi pada mana-mana kedudukan Suis Kuasa.

1. Apabila seterika dibiarkan dan tidak digunakan dengan tapak gosok menghala ke bawah atau secara melintang selama 30 minit, pemanas yang terletak di dalam seterika akan tutup secara automatik.
2. Apabila seterika dibiarkan dan tidak digunakan pada Sangga Dirian selama 10 minit atau lebih, pemanas yang terletak dalam seterika akan tutup secara automatik.
3. Untuk memanaskan semula seterika, gerakkan seterika ke mana-mana arah. Panaskan seterika sehingga Lampu Indikator Operasi Termostat padam.


30 minit



30 minit



10 minit






Pastikan anda mencabut seterika selepas selesai menggosok pakaian. Walaupun seterika telah dicabut daripada palam, tapak seterika masih lagi panas. Pastikan seterika dalam keadaan berdiri pada Sangga Dirian jauh dari fabrik.

Bagaimana menjaga seterika anda

► Setiap kali selepas menggunakannya


1. Laraskan suis kuasa kepada "O".
2. Tanggalkan palam kuasa.
3. Tekan Pemutar Stim/Kering ke bawah pada kedudukan kering. Jika Pemutar Stim/Kering tidak ditetapkan pada posisi kering setelah selesai penggunaan, baki air akan bergerak ke arah tapak seterika dan akan mengakibatkan kesan terbakar apabila seterika digunakan pada masa berikutnya.
4. Keringkan Bekas Air dengan serta merta selepas menggunakannya. Jangan menyimpan seterika ketika ia masih berisi dengan air. Jika anda mengosongkan Bekas Air selepas ia sejuk, panaskan seterika selama kira-kira 5 minit dengan suis kuasa dilaraskan pada "I".



- Jangan lilitkan kord kuasa disekeliling seterika. Ia mungkin akan dirosakkan oleh tapak seterika yang panas.



5. Tunggu sehingga seterika telah menyejuk sebelum menyimpannya, dan sentiasa pastikannya dalam keadaan berdiri pada Sangga Diriannya untuk melindungi tapak seterika daripada sebarang calar, hakisan & kesan luntur.



► Diluar permukaan seterika

- Selepas mencabut palam dan menyejukkan seterika, hanya lapkan dengan kain lembap dan sekiranya perlu gunakan bahan pencuci lembut.
- Jangan sesekali menggunakan bahan pencuci yang kasar.

► Tapak Gosok

- Kanji dan sisa-sisa lain boleh dibersihkan dengan mudah dari plat tapak dengan kain lembap.
- Untuk mengelakkan calaran, jangan sesekali menggunakan pad logam untuk membersihkan plat tapak dan jangan sesekali meletakkan di atas permukaan yang kasar.
- Cara terbaik untuk menanggalkan sisa sintetik dari plat tapak ialah dengan memanaskan seterika dan menggosokkannya di atas kain buruk.

Nota:

- Jangan sesekali menggunakan pencuci di dalam seterika, memandangkan ia akan merosakkan bahagian-bahagian di dalam seterika. Mungkin terdapat sedikit bauan setelah penggunaan seterika buat pertama kali, namun ini adalah perkara biasa dan bauan itu tidak akan melekat pada baju anda. Jangan gunakan seterika cucian seterika wap dalam seterika kerana ia akan merosakkan fungsi seterika.

Soal Jawab

Soalan	Jawapan
Mengapakah terdapat bunyi klik atau bunyi besi berlaga apabila menggunakan atau menggoncang seterika?	Bunyi-bunyi ini datangnya dari bahagian dalam seterika seperti mekanisma semburan, pengekang kebocoran yang turut bergerak di dalam. Ini adalah perkara biasa. ►
Mengapakah ada kalanya pakaian menjadi keperangan setelah diseterika?	Jika terdapat bahan pencuci yang tertinggal pada fabrik tersebut, pakaian tersebut mungkin akan menjadi keperangan setelah diseterika. ►
Mengapakah terdapat serbuk/habuk putih yang keluar dari liang-liang wap ketika sedang menggunakan fungsi wap (terutamanya semasa menggunakan "shot kuasa")?	Serbuk/Habuk tersebut adalah kotoran dan mineral yang terkandung dalam air sadah. Serbuk/Habuk itu boleh dibersihkan daripada pakaian dengan menggunakan berus. ►



Penyelesaian Masalah

Masalah	Punca, Penyelesaian
Tidak panas	▶ Pastikan palam kuasa tidak tertanggal dari soket sesalur di dinding.
Tiada wap Kuasa pengewapan yang lemah	▶ Isi Bekas Air dengan air sehingga mencapai mencecah garisan "MAX". ▶ Jika tiada wap langsung, laraskan Pemutar Stim/Kering ke posisi Stim, atau tetapkan suis kuasa kepada "I". ▶ Untuk stim yang tidak ketara, gerakkan Pemutar Stim/Kering beberapa kali, kemudian tetapkan semula pada posisi Stim. ▶ Tekan butang shot kuasa beberapa kali apabila "shot kuasa" tidak keluar dengan mencukupi. ▶ Tunggu sehingga Lampu Indikator Operasi Termostat terpadam sebelum menggunakan seterika. ▶ Tetapkan suis kuasa kepada "I".
Tiada semburan	▶ Tekan picu semburan beberapa kali. ▶ Isi Bekas Air dengan air sehingga mencapai mencecah garisan "MAX".
Air menitik keluar dari liang-liang wap	▶ Tekan butang shot kuasa sekali setiap 5 saat ketika sedang menggunakan "shot kuasa". ▶ Tunggu sehingga Lampu Indikator Operasi Termostat terpadam sebelum menggunakan seterika.
Terdapat tanda pada pakaian	▶ Kosongkan Bekas Air dan isikan dengan air bersih. ▶ Mungkin terdapat bahan-bahan cemar di dalam seterika/cawan.

Spesifikasi

Model	NI-WT980	NI-WT970	NI-WT960
Punca Kuasa	220-240 V ~ 50-60 Hz		
Penggunaan Kuasa	2 400-2 800 W	2 400-2 800 W	2 200-2 600 W
Massa (Kira-kira)	1.8 kg		
Dimensi (Kira-kira)	307 mm x 141 mm x 153 mm		

Seterika ini adalah untuk penggunaan rumah sahaja.

F EN HK MA
i8200A-5P59C

Panasonic Corporation
<http://www.panasonic.com>
© Panasonic Corporation 2017

Printed in China
中國印刷
Dicetak di China
P0116-2097